



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden

DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

Timbalan Presiden

KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

Naib Presiden

MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)

SALIZA BT ABDULLAH

MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

Setiausaha Kehormat

KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

Bendahari Kehormat

IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha

ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Penolong Bendahari

DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

Ahli-ahli Jawatankuasa

DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT

KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)

MOHD YUSOFF B. M DAUD

ADNAN B. ABDULLAH

ADILA B. DATO' ABDULLAH

BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN

TUDM(B)

MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA

DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU

DATUK ZAIDI B. MOHAMED

Juruaudit Dalaman

MOHD HODORI B. SARBINI

ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur

DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

Pengerusi Zon Selangor

DATUK SHANKER RAJ AYANGER

Pengerusi Zon Johor

DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

Pengerusi Zon Perak

ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Zon Kelantan

AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Zon Pahang

MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Zon Pulau Pinang

MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

Pengerusi Zon Kedah & Perlis

DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

Pengerusi Zon Melaka

DATO' GAN PENG LAM

Pengerusi Zon Negeri Sembilan

MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

Pengerusi Zon Sabah

KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

Pengerusi Zon Sarawak

SHAHARUDDIN B. SAMSU

Sekretariat

Pengurus Besar

JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2021(39)

3 OGOS 2021

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-39/2021: **VAKSINASI COVID-19 KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa PIKM telah mengemukakan permohonan kepada pihak Kerajaan supaya pengawal keselamatan swasta diberi keutamaan vaksinasi Covid-19 tanpa sebarang bayaran. Antara tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- 2.1 Mengemukakan permohonan keutamaan (*priority*) vaksinasi bagi pengawal-pengawal keselamatan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK). Lanjutan itu, selaras dengan nasihat yang diterima, telah disarankan kepada ahli PIKM supaya semua kakitangan dan pengawal keselamatan membuat pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera (Surat Edaran PIKM ke-7/2021 bertarikh 24 Februari 2021 berkaitan).
- 2.2 PIKM juga turut membuat permintaan yang sama seperti perenggan 2.1 kepada Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV). di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).
- 2.3 Setelah didapati tiada respon yang jelas dari JKJAV, PIKM telah membuat siaran akhbar berkaitan kepentingan program vaksinasi kepada ahli PIKM dan Pengawal Keselamatan yang bertugas semenjak dari Perintah Kawalan Pergerakan yang pertama. Tindakan ini diambil bagi memastikan kemaslahatan Industri Keselamatan dapat diberi perhatian secara khusus oleh kementerian terlibat. Berikut merupakan laporan media PIKM:

- i. **23 Jun 2021:** Laporan The Malaysian Insight
Tajuk: *“Security guards’ group wants vaccination priority for members”*
- ii. **21 Jun 2021:** Laporan The Star
Tajuk: *“Guards just as important”*
- iii. **20 Jun 2021:** Laporan The Star
Tajuk: *“Association calls on government to prioritise vaccinations for security guards”*
- iv. **19 Februari 2021:** Laporan The Star
Tajuk: *“Consider listing security guards under second group for immunisation programme, government urged”*

2.4 Tindakan susulan Persatuan telah menyebabkan pihak Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) di bawah JKJAV merujuk permintaan PIKM kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsadan Industri (MITI) melalui surat bertarikh 7 Julai 2021 yang diterima Persatuan pada 29 Julai 2021. Rujukan tersebut dibuat atas alasan keputusan CITF bahawa, program vaksinasi bagi warga industri berskala besar seperti Industri Keselamatan akan diletakkan di bawah kelolaan MITI.

2.5 Sebagai makluman, semua komunikasi mengenai permintaan keutamaan vaksinasi telah turut dimaklumkan kepada Kementerian-Kementerian yang berkaitan serta Majlis Keselamatan Negara (MKN).

3. Persatuan sedar terdapat ahli yang telah mengambil usaha sendiri untuk memastikan pengawal keselamatan dan kakitangan mereka divaksinasi. Syabas diucapkan atas inisiatif tersebut. Bagi ahli yang belum berbuat demikian dan berusaha untuk mendapatkan vaksinasi secara percuma, setelah diamati situasi semasa dari sudut penularan Covid-19 dan wujudnya kekangan-kekangan di pihak kerajaan, Persatuan ingin menasihatkan ahli-ahli PIKM seperti berikut:

3.1 **Pendaftaran vaksinasi melalui aplikasi MySejahtera**

Menggesa setiap pengawal keselamatan dan kakitangan syarikat **mendaftar segera melalui aplikasi MySejahtera**. Ini termasuk pengawal keselamatan Nepal yang digajikan. Ia selaras dengan pemakluman melalui Surat Edaran PIKM Ke-7/2021. Setiap yang mendaftar akan layak mendapat vaksinasi percuma. Hanya menunggu giliran temujanji vaksinasi mungkin menjadi kekangan bagi sesetengah ahli.

3.2 **Inisiatif Kerajaan (CITF) Kawalan Wabak di Selangor dan Kuala Lumpur - Memperhebatkan Vaksinasi dan Vaksinasi *walk-in* bermula Ogos 2021**

Akibat penularan wabak Covid-19 yang serius di Lembah Kelang, inisiatif **vaksinasi secara *walk-in*** untuk **golongan yang tercicir dan belum menerima tarikh janji temu vaksinasi** akan bermula pada Ogos 2021. Dinasihatkan ahli yang berpengalaman dan beroperasi di Selangor dan Kuala Lumpur mengatur dan mengambil peluang inisiatif ini.

Sila rujuk infografik bagi senarai Pusat Pemberian Vaksinasi (PPV) seperti di lampiran bagi inisiatif vaksinasi secara *walk-in*.

3.3 **Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS)**

Selaras dengan pemakluman yang diterima Persatuan seperti perenggan 2.4, dimaklumkan juga bahawa Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang dalam perbincangan bersama pihak MITI untuk mempertimbangkan industri keselamatan menyertai Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) bagi menyegerakan proses vaksinasi warga industri. Pemakluman lanjut berhubung perkara ini akan dimaklumkan kepada ahli kelak.


4. Sempena perkara di atas, **KDN mengarahkan** semua ahli PIKM membekalkan maklumat berikut:

4.1 **Laporan jumlah keseluruhan (*cumulative*) jangkitan Covid-19** bagi pengawal keselamatan. Data dikehendaki **dikemukakan sebelum 10 haribulan, pada setiap bulan dalam Portal e-PIKM (<https://e-pikm.my>)**. Sila klik menu “Pengurusan Syarikat” dan “Pelaporan Covid-19”.

4.2 **Laporan jumlah pengawal keselamatan yang telah menjalani vaksinasi.**

Untuk makluman dan tindakan ahli-ahli selanjutnya. Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF
PRESIDEN**

SENARAI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV)

Vaksinasi walk-in

WARGANEGARA

2-22 OGOS

1. Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), HCO F
2. Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), HCO G
3. Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) HCO H
4. Bangi Avenue Convention Centre (BACC)
5. Hotel Wyndham, Klang
6. Dewan Tun Razak, Sabak Bernam
7. Dewan Komuniti Serendah
8. Movenpick Hotel & Convention Centre KLIA, Sepang
9. Ideal Convention Centre, Shah Alam (IDCC)

BUKAN WARGANEGARA

9-22 OGOS

1. Stadium Nasional Bukit Jalil

vaksinovid.gov.my

**LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.**



**JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES
BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV)**

VAKSINASI SECARA WALK-IN

Pusat Pemberian Vaksin (PPV)

Warganegara

2 – 4 Ogos

40 tahun ke atas atau golongan komorbid

5 – 22 Ogos

18 tahun ke atas

Bukan Warganegara

9 – 11 Ogos

40 tahun ke atas atau golongan komorbid

12 – 22 Ogos

18 tahun ke atas

- **Bermula 2 petang**
(mengikut senarai PPV yang dikhaskan untuk walk-in)
- Bagi individu **komorbid**, sila bawa **surat doktor** untuk mengesahkan sejarah kesihatan anda.
- Sila bawa **bukti** menunjukkan **lokasi bermastautin di Lembah Klang**.
Contoh: alamat di kad pengenalan, lesen memandu, sebarang bil utiliti atau kad kredit, kad pekerja, kad pelajar, surat perjanjian atau lain-lain lagi.



vaksinovid.gov.my

**LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.**



JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES
BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV)

VAKSINASI SECARA WALK-IN

melalui Program Jangkau Luar Komuniti



Bermula 9 Ogos 2021



Maklumat program (tarikh, masa dan lokasi) bergantung kepada jadual agensi yang terlibat.



Hebahan tentang maklumat program ini akan dibuat melalui pelbagai saluran media.

- Sila bawa **bukti** menunjukkan **lokasi bermastautin di Lembah Klang**.
Contoh: alamat di kad pengenalan, lesen memandu, sebarang bil utiliti atau kad kredit, kad pekerja, kad pelajar, surat perjanjian atau lain-lain lagi.
- Bagi individu **komorbid**, sila bawa **surat doktor** untuk mengesahkan sejarah kesihatan anda.

vaksinovid.gov.my

**LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.**



JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES
BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV)